

21/09/2003

Dr Mahathir diiktiraf pahlawan negara

Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Lagu Pahlawanku berkumandang di Stadium Merdeka ketika Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerima pengiktirafan pahlawan negara sempena Perayaan Ulang Tahun ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa Barisan Nasional (BN), semalam.

Rakaman lagu nyanyian Siti Nurhaliza itu dimainkan ketika Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN bersama isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali diarak menaiki Proton Cabriolet mengelilingi stadium yang dipenuhi kira-kira 30,000 pemimpin dan penyokong BN, sejurus tiba pada jam 3 petang.

Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, turut diarak menaiki sebuah lagi kereta Proton Cabriolet diiringi Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat.

Perarakan itu didahului 14 pemuda dan wanita yang membawa bendera parti-parti komponen BN terdiri daripada Umno, MCA, MIC, Gerakan, Parti Progresif Penduduk (PPP), Parti Pesaka Bumiputra Bersatu (PBB), Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRB), Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Liberal Demokratik Sabah (LDP), United Pasok Momogun Kadazandusun Organisation (UPKO) dan Parti Bersatu Sabah (PBS).

Dr Mahathir menerima pengiktirafan sebagai pahlawan kerana jasanya kepada parti, kerajaan, agama dan negara, manakala Abdullah pula sebagai penerus perjuangan serta membawa kecemerlangan yang lebih hebat.

Acara kemudiannya diteruskan dengan Perdana Menteri menaikkan bendera BN, diiringi lagu BN, sebelum beliau memeriksa perbarisan yang terdiri daripada 1,400 peserta Pemuda dan Wanita BN.

Ini diikuti bacaan doa oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin dan ikrar oleh seluruh warga BN, diketuai Ketua Penerangan Umno Wilayah Persekutuan, Datuk Kamaruddin Ambok.

Ucapan dimulakan oleh Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, diikuti Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud bagi mewakili komponen BN Sarawak dan Sabah.

Abdullah selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk perayaan berucap selepas itu dan diikuti nyanyian lagu Malaysia Berjaya.

Perdana Menteri kemudiannya menyampaikan amanat penting beliau dan diikuti upacara melepaskan belon sebagai tanda pelancaran ulang tahun berkenaan.

Dr Mahathir bersama pemimpin parti komponen BN yang lain turut memotong kek ulang tahun ke-50 BN yang diperbuat daripada 50 kilogram pulut kuning, sebelum acara diakhiri dengan lagu Negaraku.

Selepas acara sambutan ulang tahun ke-50 BN selesai, Perdana Menteri turut mengambil kesempatan melancarkan pameran dan poskad 'Perpaduan Jati, Merdeka Abadi...Keragaman Malaysia'.

Pelancaran program Pergerakan Pemuda BN itu dilakukan di pintu utama untuk orang kenamaan, Stadium Merdeka.